

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

SBP310 - Kaedah Penyelidikan Pembangunan

Masa: (3 jam)

Jawab **EMPAT** soalan daripada soalan-soalan berikut. Semua soalan mempunyai nilai yang sama.

1. Bincangkan kepentingan penyelidikan sosial bagi masyarakat. Mengapa dipentingkan ciri-ciri seperti kesahihan, kepercayaan dan perlaziman dalam data? (100 markah)

2. Mengapa terdapatnya tindakbalas terhadap unsur-unsur positivisme dalam penyelidikan sosial? Apakah setengah daripada perkembangan dan perbaharuan dalam penyelidikan akibat daripada tindakbalas di atas? (100 markah)

3. Nyatakan perbezaan kaedah tinjauan dengan kaedah Sejarah Hidup. Beri contoh ciri-ciri penyelidikan yang sesuai dengan penggunaan kaedah tinjauan dan seterusnya yang sesuai dengan kaedah sejarah hidup. Apakah yang menentukan kesesuaian penyelidikan dengan kaedah di dalam contoh yang anda beri? (100 markah)

... 2/-

4. Sejauhmanakah kaedah Penyelidikan Penyertaan berkesan bagi tujuan perubahan sosial? Bincangkan kekesanannya dari segi peranan masyarakat, implikasi politik dan pengembangan pengetahuan sosial.
(100 markah)
5. Terangkan fungsi penyelidikan penilaian dalam pembangunan. Apakah pendekatan-pendekatan penilaian yang boleh digunakan? Terangkan unsur-unsur perbezaan mereka.
(100 markah)
6. Bolehkah sesuatu yang bersifat kualitatif (seperti kebahagian, akhlak dan moral tinggi, ketenangan jiwa) dinilai dalam perancangan pembangunan? Bincangkan perkara ini dengan melihat kegunaan petunjuk sosial dalam pembangunan, serta masalah-masalah yang dihadapi dalam konsepsualisasi dan perlaksanaannya.
(100 markah)

- oo oOo oo -